

24/04/1997

Pastikan lebih ramai remaja sertai - PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pertubuhan seni mempertahankan diri tempatan berusaha menarik lebih ramai remaja menyertai kegiatannya sebagai cara menjauhkan mereka daripada pelbagai gejala sosial yang melanda generasi muda.

Dalam perutusan buku cenderamata Kejuaraan Dunia Pencak Silat 1997 yang bermula malam tadi, Perdana Menteri berkat, seni silat melatih peserta berdisiplin dan mempunyai kekuatan diri.

"Pelatih dilengkapi dengan ilmu agama, diajar berakhlak, disemai semangat muafakat serta keyakinan diri yang kental.

"Bagi mencapai matlamat berkenaan, badan-badan seumpama itu, termasuk Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), harus juga mengenal pasti mengapa tidak ramai belia menyertai seni ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata seni itu wajar disemai di kalangan pelajar demi menentukan bukan saja warisan budaya bangsa itu terus terpelihara, malah melahirkan generasi muda negara yang teguh peribadinya dan cekal menghadapi sebarang cabaran.

Kejuaraan itu dianjurkan oleh Pesaka dengan kerjasama Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat).

Sebanyak 24 negara dengan lebih 400 ahli seni silat menyertai kejuaraan lapan di Stadium Negara itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejuaraan yang juga Timbalan Presiden Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata kejohanan itu bagi mendorong masyarakat agar benar-benar menghayati pengiktirafan silat sebagai seni bela diri nasional.

Kejuaraan ini adalah yang kesembilan. Yang pertama berlangsung di Jakarta pada 1982.

Seni silat kini diterima sebagai salah satu acara pertandingan dalam Sukan Sea.

(END)